

Darjat Ilmu

Ismail bin Abi Uwais telah menceritakan kepada kami, berkata Malik, telah menceritakan kepadaku daripada Hisyam bin Urwah daripada ayahnya daripada Abdillah bin Amru bin al-As R.Anhuma katanya: Aku mendengar Rasulullah SAW bersabda:

إِنَّ اللَّهَ لَا يَقْبِضُ الْعِلْمَ انْتِزَاعًا يَنْتَزِعُهُ مِنَ الْعِبَادِ وَلَكِنْ يَقْبِضُ الْعِلْمَ بِقَبْضِ الْعُلَمَاءِ حَتَّى إِذَا لَمْ يُبْقِ عَالِمًا اتَّخَذَ النَّاسُ رُءُوسًا جُهَالًا فَسُئِلُوا فَأَفْتَوْا بِغَيْرِ عِلْمٍ فَضَلُّوا وَأَضَلُّوا

Maksudnya: “Sesungguhnya Allah SWT tidak menghapus ilmu pengetahuan dengan cara mengambil sekaligus daripada hamba-hambanya. Tetapi Allah SWT menghapus ilmu pengetahuan itu dengan kematian ulama sehingga tiada lagi orang yang alim. Ketika itu orang ramai melantik ketua-ketua mereka dari kalangan orang yang jahil dan apabila mereka ditanya mereka memberi fatwa dengan sewenang-wenangnya tanpa berpandukan ilmu pengetahuan. Maka mereka sesat lagi menyesatkan.”

Riwayat al-Bukhari (100) dan Muslim (6971)

Pedoman dan Iktibar Hadis

Antaranya:

1. Ilmu merupakan kurniaan Allah SWT kepada hamba-hambanya. Ini menunjukkan betapa perlu kepada kita memohon daripada-Nya supaya dikurniakan ilmu.

2. Cara ilmu dicabut ialah dengan kematian ulama. Justeru, hendaklah kita pelajari ilmu dari para ulama dengan cara bertalaqqi sebelum mereka meninggalkan kita. Ini kerana ilmu tidak boleh diwarisi seperti mana harta, sebaliknya perlu dipelajari dan ditekuni dengan bersungguh-sungguh.
3. Kelebihan ulama di dalam memberi petunjuk keimanan kepada masyarakat supaya masyarakat menjadi celik daripada sebarang kejahilan kerana kejahilan akan membawa bala kepada mereka yang jahil tanpa pegangan agama yang kukuh.
4. Seseorang itu haram mengeluarkan fatwa tanpa sebarang asas dan dalil yang kukuh jika menyalahi prinsip agama. Syarat mengeluarkan fatwa mestilah dengan berilmu, amanah, adil dan ikhlas semata-mata kerana Allah, bukan kerana yang lain daripada-Nya.
5. Keperluan mempelajari adab menuntut ilmu daripada para ulama agar ia benar-benar memberi kesan daripada yang lain. Penuntut ilmu hendaklah berakhlak dengan akhlak yang mulia dan menghindarkan sifat-sifat mazmumah.
6. Kematian ulama dianggap sebagai musibah yang besar kerana ulama adalah pewaris nabi dan pelita bagi umat ini. Untuk melahirkan ulama yang berwibawa dan mursyid ummah memerlukan tempoh yang panjang dan tapisan yang tebal. Justeru, sedikit sahaja yang tergolong di dalam ulama rabbani yang berani menyatakan kebenaran dan berdakwah dengan penuh hikmah.
7. Perlu bagi kita memuliakan ulama dan mengasihi mereka. Ini kerana jalan yang ditunjuk kepada kita adalah jalan akhirat dengan cara ibadah yang sah serta iman yang benar. Justeru, amat wajar dikasihi dan dimuliakan mereka kerana ia termasuk suruhan Nabi SAW.
8. Antara tanda akhir zaman ilmu berkaitan agama dan kefahaman Islam akan berkurangan dengan kematian tokoh ulamanya, sebaliknya ilmu berkaitan teknologi dan perkembangan semasa semakin canggih dan begitu terkehadapan. Hal ini tidak pelik dengan banyak penemuan ciptaan terbaru dan terkini.
9. Ulama yang menjadi pewaris nabi amat perlu diberi penghormatan dan dimuliakan kerana wazifahnya yang cukup istimewa di sisi Allah. Menjadi keperluan kepada kita semua untuk mengutip seberapa banyak mutiara ilmu daripada tokoh seperti itu.

Mutiara Hikmah

- ❖ **Imam al-Syafie berkata:** Tuntutlah ilmu sebanyak yang mungkin kerana ia akan menjagamu dan membuatmu cemerlang di dunia dan di akhirat, di samping ianya menjadi amalan para Nabi, Rasul dan orang-orang soleh.
- ❖ **Pujangga berkata:** Ilmu pengetahuan mempunyai dua keuntungan. Pertama, kita mengetahui masalah pokok dan kedua, kita mengetahui di mana kita dapat menemui maklumat berkaitan hal itu.

Kisah Teladan

Suatu hari, seorang Khalifah membawa dua orang puteranya bersama pengawal mencari seorang tokoh ulama yang berwibawa iaitu Ata' bin Abi Rabah Rahimahullah, didapati beliau sedang solat di belakang Maqam Ibrahim menyebabkan Khalifah dan rombongannya terpaksa menanti selesainya solat. Tetapi, apabila Ata' selesai solat, dia terus bangun dan berlalu tanpa menunggu Khalifah tersebut.

Hal ini menyebabkan Khalifah memberi peringatan kepada dua orang puteranya seraya berkata: Wahai dua puteraku, jangan kamu bosan dan letih menuntut ilmu kerana sesungguhnya kita tidak lupa bagaimana hanya kita di hadapan lelaki yang kurang menarik rupa parasnya.

Daripada kisah ini jelas menunjukkan kemuliaan Ata' yang asalnya merupakan seorang hamba, menekuni pembelajaran dengan bergurukan kepada Ibn Abbas R.Anhuma sehingga diiktiraf oleh gurunya untuk memberi fatwa dan jawapan. Ia dianggap sebagai penghulu fuqaha Hijaz dan manaqibnya patut ditulis dengan tinta emas kerana keberanian, kewarakan dan kealimannya. Itulah dia *Sayyidu Fuqaha Hijaz* atau penghulu ahli feqah Hijaz.